

## Utusan Malaysia Januari 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	3 Januari 2019	Terima rasuah syarikat kapal:2 kakitangan awam didakwa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2.	4 Januari 2019	Kes Najib, Arul Kanda bicara bersama	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	5
3.	8 Januari 2019	Isa, Emir diarah fail penyataan	FGV	7
4.	10 Januari 2019	Pegawai JKM direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	9
5.	10 Januari 2019	Bekas CEO didakwa terima rasuah bina banglo	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	10
6.	10 Januari 2019	Timbalan Pengarah agensi kerajaan direman empat hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	12
7.	10 Januari 2019	2 termasuk pengurus kuari ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	14
8.	10 Januari 2019	Empat pegawai kanan termasuk CEO PAIP, Pahang ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	15
9.	17 Januari 2019	Boleh dijual tapi siasatan tetap dilakukan -Khalid	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	16
10.	17 Januari 2019	Penolong pegawai kesihatan didakwa salah guna kuasa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
11.	18 Januari 2019	Tiada kaitan pembatalan projek RM3.5 bilion	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
12.	20 Januari 2019	ADUN Terengganu ditahan kemuka tuntutan palsu	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	21
13.	24 Januari 2019	Bekas ADUN DAP buat tuntutan palsu mengaku tidak bersalah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
14.	24 Januari 2019	Dokumen palsu: Dua kontraktor ditahan reman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
15.	24 Januari 2019	Pegawai kebajikan tak mengaku salah guna kedudukan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	24
16.	24 Januari 2019	Penolong pegawai tadbir USM ditahan reman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
17.	24 Januari 2019	ADUN dibebas dengan jaminan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
18.	25 Januari 2019	Reman bekas pengurus kanan produk dilanjutkan dua hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	27

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk Berita</b>	<b>Catatan</b>	<b>Muka Surat</b>
19.	26 Januari 2019	Reman bekas pengurus kanan produk dilanjutkan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	28
20.	27 Januari 2019	Bekas pengurus kanan produk dibebaskan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	29
21.	29 Januari 2019	Dua pensyarah ditahan SPRM salah guna kuasa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	31

**1. Terima rasuah syarikat kapal:2 kakitangan awam didakwa**



**DUA kakitangan awam didakwa kerana meminta dan menerima rasuah berjumlah RM120,000 daripada seorang pekerja syarikat perkapalan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, Johor Bahru, Johor, sebentar tadi**

JOHOR BAHRU 3 Jan. - Seramai dua penjawat awam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini sebentar tadi atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM120,000 daripada seorang pekerja syarikat perkapalan, November 2018.

Kedua-dua tertuduh, Sanizam Bachok, 45, dan Nor Yazid Khairi Mohamad Nor, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah apabila pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Kamaruddin Kamsun.

Mengikut pertuduhan pertama yang dibacakan terhadap Sanizam, tertuduh yang merupakan Pegawai Laut Gred 44 di Jabatan Laut Malaysia (Wilayah Selatan) didakwa meminta suapan bernilai RM70,000 daripada Lim Tiam Lay sebagai dorongan mengeluarkan surat kelulusan operasi kapal Hai Tai 1, Kapal Hai Tai 2 dan Kapal Hai Tai 3.

Pertuduhan itu didakwa dilakukan di Restoran Subway, Lot 11 Anjung Neighborhood Centre 5, Persiaran Ledang Height, Iskandar Puteri pada pukul 6 petang, 25 November tahun lalu.

Bagi perbuatan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 24 Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang dari lima kali ganda nilai suapan atau berbentuk wang RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi.

Mengikut pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menerima rasuah daripada Tiam Lay berjumlah RM50,000 dan mengeluarkan surat kelulusan ketiga-tiga kapal tersebut pada 11.10 pagi, 27 Disember tahun lalu di lokasi sama.

Dia didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 24 Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang dari lima kali ganda nilai suapan atau berbentuk wang RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi.

## 2. Kes Najib, Arul Kanda bicara bersama



### **NAJIB RAZAK (kiri) dan Arul Kanda (kanan).**

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Mahkamah Sesyen di sini hari ini membenarkan permohonan pihak pendakwaan berhubung kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) melibatkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy dibicarakan bersama.

Hakim Azura Alwi memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan yang dibuat oleh bekas Hakim Mahkamah Persekutuan yang dilantik menjadi Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram ketika sebutan kes berkenaan hari ini.

Sehubungan itu, pertuduhan terhadap Arul Kanda, 42, dibacakan semula dan tertuduh masih mengekalkan pengakuan tidak bersalahnya.

Pada 12 Disember lalu, bekas Perdana Menteri itu mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menggunakan kedudukannya bagi mendapatkan perlindungan daripada dikenakan tindakan tatatertib berhubung pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB.

Mengikut pertuduhan, Najib, 66, didakwa telah menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri mengarahkan agar Laporan Akhir Pengauditan 1MDB yang sedang disediakan dipinda sebelum ia dimuktamadkan dan dibentang kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC) bagi melindungi diri daripada dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berhubung syarikat pelaburan itu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman

penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Sementara itu, Arul pula didakwa bersubahat dengan Najib untuk meminda laporan tersebut bagi melindungi Ahli Parlimen Pekan itu daripada dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 28(1)(c) SPRM 2009 di baca bersama Seksyen 23 (1) & 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman serupa.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya di antara 22 dan 26 Februari 2016.

### 3. Isa, Emir diarah fail pernyataan



#### **MOHD. ISA ABDUL SAMAD**

KUALA LUMPUR 7 Jan. - Bekas Pengerusi FGV Holdings Bhd. (FGV), Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad serta bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Mohd. Emir Mavani Abdullah diarahkan oleh Mahkamah Tinggi di sini hari ini untuk memfailkan pernyataan pembelaan masing-masing sebelum atau pada 4 Februari ini.

Pernyataan pembelaan itu adalah berkaitan saman organisasi terbabit yang menuntut ganti rugi sebanyak RM7.69 juta daripada Mohd. Isa dan Mohd. Emir berhubung pembelian kondominium mewah terletak di Troika, Persiaran KLCC, di sini dengan harga yang dikatakan melebihi pasaran.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh peguam Lavinia Kumaraendran yang mewakili Mohd. Isa kepada pemberita selepas pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar, Farah Shuhada Ramli. Kes itu juga ditetapkan untuk pengurusan kes pada 23 Januari ini.

FGV dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia 30 November lalu menjelaskan saman yang difailkan terhadap kedua-dua defendan itu adalah berhubung pembelian kondominium mewah yang terletak di Troika, Persiaran KLCC, di sini dan berkaitan penyalahgunaan kenderaan syarikat serta faedah petrol oleh Mohd. Emir.

Sehubungan itu, FGV menuntut RM4.54 juta daripada kedua-dua defendan berhubung pembelian kondo berkenaan serta RM3.15 juta daripada Mohd. Emir atas dakwaan menyalahgunakan kenderaan syarikat dan faedah petrol.

Di samping itu, syarikat itu selaku plaintif turut menuntut faedah pada kadar lima peratus setahun terhadap ganti rugi yang diberikan mulai dari tarikh pemfailan saman itu sehingga tarikh penyelesaian penuh dan muktamad.

#### 4. Pegawai JKM direman



**SUSPEK (kiri) yang direman bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan wang bantuan di Mahkamah Majistret Sungai Petani, Kedah, semalam.**

ALOR SETAR 9 Jan. - Seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah di negeri ini, direman selama enam hari bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan wang bantuan yang dianggarkan bernilai RM15,000.

Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Sungai Petani, Balkhis Abdul Halim membenarkan lelaki tersebut direman bermula hari ini sehingga 14 Januari ini.

Menurut sumber, lelaki yang berusia 38 tahun tersebut ditahan di JKM daerah pada pukul 3 petang semalam.

"Siasatan awal mendapati individu itu telah disyaki menyeleweng wang bantuan berjumlah RM15,000 yang sepatutnya diserahkan kepada penerima bagi tujuan memperbaiki rumah dan pembekalan mesin jahit antara 2015 hingga 2017," katanya.

Ujar sumber itu, lelaki berkenaan akan disiasat mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Sementara itu, Pengarah SPRM negeri, Datuk Mohd. Fauzi Mohamad ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut, namun tidak mengulas lanjut.

**5. Bekas CEO didakwa terima rasuah bina banglo**



**BEKAS** Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perak Corporation Berhad (PCB), Datuk Aminuddin Md. Desa yang dituduh menerima rasuah ketika dihadapkan di Mahkamah Sesyen Ipoh hari ini.

IPOH 10 Jan. - Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Perak Corporation Berhad (PCB), Datuk Aminuddin Md Desa dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan menerima rasuah bagi kerja-kerja pembinaan rumah banglonya berjumlah RM455,660, dua tahun lalu.

Aminuddin, 57, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Hakim S. Indra Nehru.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa telah menerima suatu benda berharga iaitu pembayaran bagi kerja-kerja pembinaan rumah banglo tersebut di Lot PT2144059 Mukim Hulu Kinta, Ipoh dengan tiada balasan daripada Chua Kim Weng iaitu Pengarah Uni-poh Construction Works Sdn. Bhd., yang mana diketahui mempunyai hubungan dengan tugas rasmi dijalankan melibatkan kontrak cadangan kerja-kerja infrastruktur utama serta lain-lain kerja berkaitan di Bandar Meru Raya 2 (Zon 9) Mukim Hulu Kinta.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh di Public Bank Berhad Cawangan Jalan Sultan Idris Shah di sini antara 17 Januari 2017 hingga 3 Julai 2017.

Pertuduhan yang dikemukakan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan itu memperuntukkan penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Farah Yasmin Salleh memohon tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 berserta seorang penjamin.

Bagaimanapun, peguam bela Najmi Dawami Abd Hamid meminta supaya jaminan terhadap anak guamnya itu dikurangkan kepada RM15,000 dengan alasan tertuduh memberikan kerjasama baik, mempunyai tanggungan tujuh orang anak serta rekod perkhidmatan cemerlang selain tiada rekod jenayah lampau.

Mahkamah bagaimanapun membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin terdiri daripada ahli keluarga terdekat sementara pasport diserahkan kepada SPRM selain menetapkan 22 Februari depan untuk sebutan semula kes.

**6. Timbalan Pengarah agensi kerajaan direman empat hari**



**DUA individu termasuk seorang Timbalan Pengarah sebuah agensi kerajaan yang didakwa meminta suapan bernilai RM270,000 berhubung kelulusan projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya.**

PUTRAJAYA 10 Jan.- Seorang Timbalan Pengarah sebuah agensi kerajaan merupakan antara dua individu direman empat hari berkaitan kes meminta suapan bernilai RM270,000 berhubung kelulusan projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP).

Majistret Low When Zhen membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menahan reman kedua-dua suspek itu sehingga Ahad ini.

Mereka disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, kedua-dua lelaki itu tiba di Mahkamah Majistret di sini hari ini dengan berpakaian reman SPRM dan tangan bergari pada pukul 9.20 pagi.

Menurut sumber, Timbalan Pengarah itu ditahan SPRM di pusat beli-belah sekitar Putrajaya semalam dipercayai ketika menerima wang tunai berjumlah RM50,000 iaitu baki jumlah suapan yang sepatut diterimanya daripada seorang lagi suspek selaku orang tengah.

Kata sumber itu lagi, pegawai kerajaan berkenaan didakwa menerima wang suapan itu secara berperingkat sejak 2015 oleh syarikat terlibat sebagai ganjaran kerana menganugerahkan projek berkenaan.

USP merupakan satu usaha kerajaan dalam memperluas jaringan komunikasi dan multimedia, khususnya bagi kawasan dan masyarakat yang kurang mendapat perkhidmatan itu.

### **7. 2 termasuk pengurus kuari ditahan SPRM**

KANGAR 10 Jan. - Dua individu termasuk seorang pengurus kuari sebuah yayasan milik kerajaan negeri dan seorang broker ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam.

Penahanan pengurus kuari berusia 53 tahun dan broker berumur 51 tahun itu bagi membantu siasatan berkaitan kes salah guna kuasa membabitkan pembelian dua tanah lot yang dianggarkan bernilai lebih RM1.8 juta.

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan pada pukul 5.40 petang di Pejabat SPRM negeri selepas mereka hadir untuk memberi keterangan.

"Siasatan awal mendapati pengurus kuari tersebut disyaki bersubahat dengan broker berkenaan bagi pembelian dua tanah lot di Mukim Kurong Anai tanpa kelulusan Ahli Lembaga Pengarah yayasan milik Kerajaan Negeri Perlis.

"SPRM akan mendapatkan perintah tahanan reman terhadap kedua-dua suspek hari ini di Mahkamah Majistret Kangar," ujar sumber itu di sini hari ini

Kata sumber lagi, SPRM sedang mengesan beberapa lagi individu bagi membantu siasatan kes sama yang disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Pengarah SPRM negeri, Mohd. Shukor Mahmud ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu namun tidak mengulas lanjut berhubung kes berkenaan.

#### **8. Empat pegawai kanan termasuk CEO PAIP, Pahang ditahan**

KUALA LUMPUR 10 Jan.- Seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan tiga pegawai kanan di Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Pahang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini selepas terlibat dalam kegiatan rasuah dan salah guna kuasa membabitkan projek bernilai RM23 juta.

Keempat-empat suspek berusia antara 40 hingga 59 tahun itu ditahan dalam satu operasi besar-besaran yang dikenali 'Op Cuci' yang dilakukan SPRM.

Menurut sumber, selain mereka, lapan orang pemilik syarikat yang disyaki bersekongkol dengan pegawai-pegawai terbabit turut dipanggil untuk membantu siasatan.

Ujarnya, lapan syarikat kontraktor tersebut dikatakan telah memonopoli projek-projek bernilai RM50,000 yang ditawarkan oleh perbadanan tersebut.

"Kesemua kerja-kerja ini diberikan secara runding terus dan bagi kerja-kerja melebihi RM50,000.00 akan dibuat secara pecah kecil dan dibahagikan kepada dua fasa atau tiga fasa tanpa melalui proses sebut harga.

"Sehubungan itu, kesemua mereka akan direman di Mahkamah Majistret Kuantan, Pahang esok bagi siasatan lanjut dibawah seksyen 17(a), seksyen 18 dan seksyen 23 Akta SPRM 2009," katanya kepada Utusan Online, di sini hari ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Bin Baki ketika dihubungi mengesahkan mengenai penahanan itu dan bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

9. Boleh dijual tapi siasatan tetap dilakukan -Khalid



**KHALID ABDUL SAMAD** menunjukkan lot tanah yang didakwa ceroboh oleh sebuah syarikat sejak 2015 di Medan Imbi, Bukit Bintang, Kuala Lumpur, dalam sidang media semalam.

KUALA LUMPUR 17 Jan. - Kementerian Wilayah Persekutuan akan menyerahkan keputusan untuk menjual dua lot tanah milik kerajaan di Medan Imbi, Bukit Bintang di sini yang diceroboh sejak 2015 kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Wilayah Persekutuan.

Bagaimanapun keputusan itu tidak akan mengecualikan mereka yang terbabit daripada siasatan dan tindakan ekoran pencerobohan itu.

Menterinya, Khalid Abdul Samad berkata, sekiranya kerajaan ingin menjual tanah seluas 0.14 hektar itu, ia harus dibuat mengikut harga dan nilai pasaran.

"Bangunan yang dibina itu berada di atas tanah milik kerajaan. Oleh itu, PTG berhak menuntut bangunan itu jika ada sebarang pertukaran pemilikan.

"Saya juga ingin jelaskan kepada semua bahawa saya tidak pernah nyatakan sebarang nilai tanah berkenaan kepada pemberita semalam.

"Saya hanya memperkatakan keluasan tanah sahaja namun telah disalah tafsir," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan di Lobi Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, di sini hari ini.

Khalid semalam mendedahkan pencerobohan dua lot tanah milik kerajaan di Medan Imbi oleh sebuah syarikat yang mendakwa mendapat kebenaran menduduki tanah berkenaan daripada pihak tertentu dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Beliau berkata, perkara itu dipercayai melibatkan penyelewangan dan salah guna kuasa oleh pihak atasan dalam DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan semasa pemerintahan kerajaan terdahulu.

"Siasatan mengenai perkara ini akan dilakukan dan pemilik bangunan tetap berdepan dengan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

Menurut Khalid, Kedua-dua lot tanah berkenaan pada asalnya adalah kawasan lapang yang digunakan untuk tujuan riadah orang ramai sebelum diceroboh untuk pembinaan sebuah bangunan pejabat dan gerai buah-buahan.

Tambahnya, kerajaan turut mempertimbangkan sekiranya wujud keperluan untuk mengembalikan kawasan tersebut kepada keadaan asal.

#### 10. Penolong pegawai kesihatan didakwa salah guna kuasa



**MOHD. Razali Mat Akhir** dibawa keluar selepas dibacakan 21 pertuduhan salah guna kuasa melantik iparnya untuk membekalkan perkhidmatan dan bekalan di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor, sebentar tadi.

Seorang penjawat awam didenda RM75,000 dan penjara tiga bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini sebentar tadi atas 21 pertuduhan salah guna kuasa melantik iparnya untuk membekalkan perkhidmatan dan bekalan melibatkan jumlah RM49,155 antara 2016 hingga tahun lalu.

Hakim Kamarudin Kamsun menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Mohd. Razali Mat Akhir, 40, yang merupakan penolong pegawai kesihatan persekitaran di Pejabat Kesihatan Segamat, mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan.

Mengikut kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa menggunakan kedudukannya melantik kakak dan abang iparnya untuk beberapa perolehan, perkhidmatan dan bekalan melibatkan program anjuran pejabat kesihatan di sekitar daerah Segamat membabitkan jumlah keseluruhan RM49,155.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di Pejabat Kesihatan Daerah Segamat antara 23 Jun 2016 hingga 8 November 2017.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

### 11. Tiada kaitan pembatalan projek RM3.5 bilion



#### MUHYIDDIN YASSIN

KUALA LUMPUR 18 Jan. - Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyangkal keras dakwaan bahawa pertukaran Ketua Pengarah Imigresen berkait rapat dengan pembatalan kontrak Sistem Kawalan Imigresen Nasional (SKIN) bernilai RM3.5 bilion.

Sambil menyifatkan tuduhan itu sebagai berniat jahat dan tidak benar sama sekali, Muhyiddin menegaskan beliau tidak akan berkompromi dengan amalan rasuah dan akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai sebarang dakwaan salah laku melibatkan Kementerian Dalam Negeri.

Jelas Muhyiddin, beliau telah mengarahkan sebuah jawatankuasa khas mengkaji semula projek SKIN secara terperinci selaras dengan dasar kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk mengkaji semula projek-projek bernilai tinggi yang diluluskan kerajaan terdahulu.

Muhyiddin berkata, beliau telah diberikan taklimat oleh pegawai kementerian mengenai projek-projek kementerian oleh kerajaan terdahulu termasuk SKIN yang diluluskan secara rundingan terus kepada syarikat Prestariang SKIN Sdn. Bhd. (PSSB) semasa mula-mula dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri.

"Setelah kajian dibuat, jawatankuasa ini mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam terma perjanjian konsesi dan pelaksanaan projek dan pihak jawatankuasa telah mengesyorkan supaya perjanjian konsesi dengan PSSB ditamatkan dan sebuah sistem baharu iaitu Sistem Imigresen Malaysia Bersepadu dibangunkan.

"Sistem ini akan memenuhi keperluan sebenar Jabatan Imigresen Malaysia di samping memberikan penjimatan yang dianggarkan hampir RM1 bilion kepada kerajaan menerusi perolehan secara tender terbuka yang lebih kompetitif, telus dan adil," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Baru-baru ini, portal berita Malaysiakini melaporkan SPRM sedang menyiasat mengenai unsur rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam Kementerian Dalam Negeri berhubung projek Jabatan Imigresen Malaysia itu.

Malaysiakini yang memetik sumber mendakwa badan penguatkuasa itu telah pun menerima maklumat bahawa pertukaran Ketua Pengarah Imigresen baru-baru ini mungkin mempunyai kaitan dengan cubaan menganugerahkan kontrak teknologi maklumat (IT) jabatan itu bernilai RM3.5 bilion.

## **12. ADUN Terengganu ditahan kemuka tuntutan palsu**

KUALA TERENGGANU 20 Jan. - Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri ini ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini bagi membantu siasatan berhubung satu kes tuntutan palsu berjumlah RM500,000 pada Mei tahun lalu.

Suspek bergelar Datuk berusia 54 tahun itu ditahan kira-kira pukul 5 petang ini di Pejabat SPRM Terengganu ketika hadir untuk memberi keterangan.

Menurut sumber, suspek dikatakan mengemukakan tuntutan palsu kepada pejabat daerah dan tanah di sebuah daerah bagi perbelanjaan 32 program yang dijalankan di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan.

Bagaimanapun, program itu dipercayai tidak dilaksanakan. Suspek akan dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu esok untuk permohonan reman. Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

**13. Bekas ADUN DAP buat tuntutan palsu mengaku tidak bersalah**



**BEKAS ADUN DAP, Loh Chee Heng dibawa oleh Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke Mahkamah Sesyen Shah Alam atas pertuduhan membuat tuntutan palsu bagi dua program kemasyarakatan pada 2015.**

SHAH ALAM 24 Jan. - Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) DAP Selangor, Loh Chee Heng, 41, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam pagi ini atas tuduhan membuat tuntutan palsu.

Mengikut pertuduhan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, Chee Heng membuat tuntutan palsu bagi dua program kemasyarakatan pada 2015 bernilai RM33,380 yang sebenarnya tidak pernah dilaksanakan.

Program tersebut adalah Pesta Tanglung membabitkan jumlah tuntutan RM20,000 dan Program Sambutan Hari Guru melibatkan kos tuntutan RM13,380.

Bagaimanapun bekas ADUN Teluk Datuk itu yang diwakili peguam Wong Khai Pun Keppy mengaku tidak bersalah ketika pertuduhan dibacakan di hadapan hakim Mohd. Sabri Ismail.

Mohd. Sabri kemudiannya membenarkan Chee Heng diikat jamin RM40,000 dengan seorang penjamin, manakala dokumen perjalanannya diarah diserahkan kepada mahkamah.

Sebutan dan pengurusan semula kes akan dibuat pada 25 Februari depan. -

#### **14. Dokumen palsu: Dua kontraktor ditahan reman**

KOTA KINABALU 24 Jan. - Dua kontraktor direman lima hari mulai hari ini bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes mengemukakan dokumen palsu bagi mendapatkan tender projek daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS).

Perintah tahanan reman terhadap dua lelaki berusia 47 dan 58 tahun itu dikeluarkan Majistret Mohamad Aizat Abdul Rahim selepas permohonan dibuat Pegawai Penyiasat SPRM ,Mohamad Nazri Ahmad dan Jamli Lamree.

SPRM menahan kedua-dua individu itu di Kota Belud semalam berikutan penahanan 25 kontraktor di seluruh negeri pada awal bulan ini bagi membantu siasatan berhubung kes sama.

Kesemua individu terdiri daripada pengurus dan pemilik beberapa syarikat itu ditahan kerana disyaki mengemukakan dokumen dan penyata bank palsu bagi mendapatkan tender JPNS bernilai ratusan ribu hingga jutaan ringgit antara tahun 2016 hingga 2018.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

### 15. Pegawai kebajikan tak mengaku salah guna kedudukan

SANDAKAN 24 Jan. - Seorang penjawat awam daripada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat (JPKM) Sandakan hari ini mengaku tidak bersalah kerana menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan rasuah dalam mencadangkan syarikat saudaranya mendapatkan kontrak pembekalan makanan bernilai RM45,000 di Kinabatangan dua tahun lepas.

Kasrin Atchil, 57, didakwa menggunakan jawatannya sebagai pegawai kebajikan daerah Kinabatangan merangkap Setiausaha Jawatankuasa Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (KZM) Kinabatangan dengan mencadangkan Syarikat Usaha Garunai Contractor, yang mana pemilik syarikat Muhammadiyah @ Rosman Janit adalah sepupunya, untuk mendapatkan kontrak itu.

Dia didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 itu di bilik mesyuarat Pejabat Daerah Kinabatangan antara pukul 2.30 petang dan 4.15 petang pada 29 Januari 2016.

Jika sabit kesalahan, Kasrin berdepan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Hakim Mahkamah Sesyen Abu Bakar Manat membenarkan ikat jamin sebanyak RM15,000 dengan RM6,000 didepositkan oleh seorang penjamin tempatan daripada kalangan anggota keluarga tertuduh.

Abu Bakar juga menetapkan 14 Mac ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Terdahulu, pegawai pendakwa SPRM Awang Samsul Baharam Bongsu berkata kesalahan itu tidak boleh dijamin, namun jika mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin, pihak pendakwaan memohon jaminan sebanyak RM20,000 dengan deposit RM10,000 oleh seorang penjamin tempatan dari kalangan anggota keluarga tertuduh.

Namun, peguam tertuduh Majnah Abdullah memohon jumlah ikat jamin dikurangkan.

### 16. Penolong pegawai tadbir USM ditahan reman



**Penolong pegawai tadbir Universiti Sains Malaysia (USM) yang ditahan SPRM kerana dipercayai terlibat dalam kes salah guna kuasa tiba di Mahkamah Majistret Georgetown, Pulau Pinang**

PULAU PINANG 24 Jan. - Seorang penolong pegawai tadbir di Universiti Sains Malaysia (USM) ditahan reman selama empat hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berkaitan kes salah guna kuasa melibatkan kerja-kerja pembekalan dan perkhidmatan yang dianggarkan bernilai kira-kira RM140,000.

Perintah tahanan reman itu diperolehi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Georgetown, Muna Maria Azmi.

Menurut sumber, wanita berusia 42 tahun itu ditahan kira-kira pukul 12 tengah hari di Pejabat SPRM negeri ketika hadir untuk memberi keterangan.

Sumber memberitahu, siasatan awal mendapati suspek telah menggunakan kedudukannya dengan mencadangkan syarikat milik sendiri bagi kerja-kerja pembekalan dan perkhidmatan di pusat sukan dan rekreasi universiti tersebut bagi tempoh 2013 sehingga 2017

### 17. ADUN dibebaskan dengan jaminan SPRM

KUALA TERENGGANU 24 Jan. - Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Terengganu bergelar Datuk yang ditahan sejak Isnin lalu dibebaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), hari ini.

Majistret Abdul Hayyi Salim mengeluarkan perintah itu selepas tempoh reman tiga hari terhadap suspek tamat hari ini.

Datuk berkenaan dibebaskan dengan jaminan SPRM sebanyak RM20,000 dengan deposit dan seorang penjamin.

Isnin lalu, suspek yang berusia 54 tahun itu ditahan reman tiga hari bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu bernilai RM500,000 pada Mei tahun lalu.

Suspek dikatakan mengemukakan tuntutan palsu kepada pejabat daerah dan tanah di sebuah daerah bagi perbelanjaan 32 program yang dijalankan di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan.

Bagaimanapun, program itu dipercayai tidak dilaksanakan dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009. Suspek ditahan dipercayai susulan penahanan seorang pengerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) daerah dan seorang pegawai daerah di negeri ini pada 9 dan 14 Januari lalu.

Pengerusi NGO daerah dan pegawai daerah yang bertanggungjawab menguruskan wang peruntukan bantuan am RM500,000 mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) itu direman sebelum mereka dibebaskan dengan jaminan SPRM. -

**18. Reman bekas pengurus kanan produk dilanjutkan dua hari**



**MAHKAMAH Majistret Putrajaya membenarkan permohonan SPRM melanjutkan tahanan reman sehingga Ahad bekas pengurus kanan produk sebuah syarikat bersabit kes menerima suapan lebih RM2 juta di Putrajaya, hari ini.**

PUTRAJAYA 25 Jan. - Tempoh reman seorang bekas pengurus kanan produk di sebuah syarikat yang ditahan bagi membantu siasatan berkaitan kes menerima suapan bernilai lebih RM2 juta dilanjutkan dua hari bermula esok sehingga Ahad ini.

Majistret Ahmad Afiq Hassan membenarkan permohonan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melanjutkan tempoh reman lelaki itu bagi melakukan siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Pada Selasa lalu, suspek berumur 40 tahun itu ditahan kira-kira pukul 4.35 petang di Ibu Pejabat SPRM di sini selepas hadir memberi keterangan, dan direman selama tiga hari berakhir hari ini.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati suspek menerima suapan bernilai lebih RM2 juta daripada sebuah syarikat sebagai balasan bagi meluluskan nota kredit untuk tujuan rebat, insentif dan pengiklanan komponen komputer kepada penjual yang dikeluarkan kepada syarikat terbabit.

Selain suspek katanya, beberapa lagi individu sedang dikesan SPRM bagi membantu siasatan bagi kes yang sama.

### 19. Reman bekas pengurus kanan produk dilanjut



**TEMPOH** reman seorang bekas pengurus kanan produk di sebuah syarikat yang ditahan bagi membantu siasatan kes menerima suapan bernilai lebih RM2 juta dilanjutkan dua hari bermula esok sehingga Ahad ini

PUTRAJAYA 25 Jan. - Tempoh reman seorang bekas pengurus kanan produk di sebuah syarikat yang disyaki menerima suapan bernilai lebih RM2 juta dilanjutkan dua hari lagi bermula esok sehingga Ahad ini.

Majistret Ahmad Afiq Hassan membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melanjutkan tempoh reman lelaki itu bagi siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Selasa lalu, suspek berumur 40 tahun itu ditahan kira-kira pukul 4.35 petang di Ibu pejabat SPRM di sini selepas hadir memberi keterangan.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati suspek menerima suapan lebih RM2 juta daripada sebuah syarikat sebagai balasan bagi meluluskan nota kredit untuk tujuan rebat, insentif dan pengiklanan komponen komputer kepada penjual yang dikeluarkan kepada syarikat terbabit.

Sementara itu katanya, selain suspek, beberapa lagi individu sedang dikesan SPRM bagi membantu siasatan bagi kes yang sama.

**20. Bekas pengurus kanan produk dibebaskan**



**BEKAS** pengurus kanan produk di sebuah syarikat dibebaskan selepas direman lima hari bagi membantu siasatan kes menerima suapan bernilai lebih RM2 juta di Putrajaya hari ini.

PUTRAJAYA 27 Jan.- Bekas pengurus kanan produk di sebuah syarikat yang ditahan bagi membantu siasatan berkaitan kes menerima suapan bernilai lebih RM2 juta dibebaskan hari ini selepas direman selama lima hari.

Perintah tamat reman itu dikeluarkan Majistret Muhammad Bukhori Md. Ruslan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebanyak RM100,000 dengan dua orang penjamin selain pasport diserahkan kepada SPRM.

Sebelum ini suspek direman selama tiga hari bermula 23 hingga 25 Januari sebelum dilanjutkan selama dua hari lagi dan berakhir hari ini, terdahulu suspek dibawa ke Mahkamah Majistret di sini pada pukul 9.15 pagi.

Pada Selasa lalu, suspek berumur 40 tahun itu ditahan kira-kira pukul 4.35 petang di ibu pejabat SPRM selepas hadir memberi keterangan dan kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati suspek menerima suapan bernilai lebih RM2 juta daripada sebuah syarikat sebagai balasan bagi meluluskan nota kredit untuk tujuan rebat, insentif dan pengiklanan komponen komputer kepada penjual yang di keluarkan kepada syarikat terbabit.

Sementara itu katanya, selain suspek, beberapa lagi individu sedang dikesan SPRM bagi membantu siasatan bagi kes yang sama.

21. Dua pensyarah ditahan SPRM salah guna kuasa



**DUA pensyarah sebuah universiti awam tempatan ditahan SPRM berhubung penyalahgunaan kuasa melibatkan pembekalan projek bernilai RM25,000 di Segamat, Johor, kelmarin.**

JOHOR BAHRU 28 Jan. - Dua pensyarah kanan di sebuah universiti awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam berhubung penyalahgunaan kuasa melibatkan pembekalan projek bernilai RM25,000.

SPRM dalam satu kenyataan memberitahu, kedua-dua pensyarah berusia 40-an itu ditahan di kampus universiti yang terletak di Segamat pada pukul 2 petang.

"Siasatan mendapati kedua-dua suspek telah menggunakan kedudukan dengan memberi kerja berkaitan projek bekalan di universiti berkenaan kepada syarikat dipercayai milik adik kepada salah seorang suspek.

"Projek bekalan itu bernilai RM25,000," demikian menurut kenyataan itu.

Pengarah SPRM negeri, Datuk Azmi Alias mengesahkan tangkapan tersebut dan memaklumkan kedua-dua suspek kini dikenakan tahanan reman selama tujuh hari bermula semalam.

Kes disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mana yang lebih tinggi atau penjara maksimum 20 tahun jika sabit kesalahan.